

Contoh Rancangan Pengajaran

Bagi membantu guru menggunakan bahan Kumpulan Cerita Animasi, contoh rancangan pengajaran telah disediakan. Di dalam contoh rancangan pengajaran ini pelbagai aktiviti dan alat penilaian juga disarankan. Guru boleh dan digalakkan mengubah suai contoh rancangan pengajaran ini bagi memenuhi keperluan pembelajaran murid.

Cerita Animasi 7 – Bangau dengan Ketam

Tajuk Cerita	Bangau dengan Ketam
Jangka Masa	1-2 Waktu
Fokus Interaksi Lisan	Berbual dan berbincang
Aspek Bahasa	Frasa Kerja

STRATEGI PEMBELAJARAN	BAHAN / CATATAN
<p>Aktiviti</p> <p>Murid:</p> <ul style="list-style-type: none">a. memberikan respons kepada pertanyaan guru mengenai cerita rakyat yang mereka tahub. menonton cerita animasi Bangau dengan Ketam'c. berbual dan memberikan respons terhadap soalan guru dengan penekanan diberikan kepada penggunaan Frasa Kerjad. berbincang tentang nilai-nilai yang terkandung dalam cerita dengan panduan gurue. melakukan 'Permainan Teka dan Bina' untuk melengkapkan lampiran tugas yang disediakan secara kumpulanf. melengkapkan alat penilaian.	<p>Catatan</p> <ul style="list-style-type: none">• Bagi aktiviti 'Permainan Teka dan Bina', guru membahagikan murid kepada beberapa kumpulan. Lima orang murid dipilih untuk menggaya aksi perkataan berikut: memakan, mendengar, mematuk, membawa, menjadi, melihat, terpandang, menyepit, menolong dan menerangkan. Murid yang lain perlu meneka dan menulis kesemua perkataan tersebut <p>Soalan Saran (permulaan)</p> <ol style="list-style-type: none">1. Pernah kamu membaca cerita tentang binatang?2. Berkongsilah cerita kamu dengan rakan-rakan lain.3. Apakah yang kamu pelajari daripada cerita tersebut <p>Soalan Saran tentang Cerita ‘Bangau dengan Ketam’</p> <ol style="list-style-type: none">1. Mengapakah penduduk tasik percaya kepada kata-kata Bangau?2. Adakah perbuatan ketam itu betul? Berikan pandangan kamu.3. Apakah yang kamu pelajari daripada cerita 'Bangau dengan Ketam'? <ul style="list-style-type: none">• Guru menilai bacaan murid dan memberikan maklum balas. <p>Bahan</p> <p>Lampiran Tugasan Alat Penilaian (Guru dan Murid)</p>

LAMPIRAN TUGASAN

Cerita Animasi 7: Bangau dengan Ketam

Permainan Teka dan Bina

Nama Kumpulan : _____

1. Tuliskan sepuluh patah perkataan yang digayakan oleh rakan kamu.

1		6	
2		7	
3		8	
4		9	
5		10	

2. Bina tiga potong ayat daripada frasa kerja. Setiap ayat yang dibina tidak kurang daripada lima patah perkataan.

No	Perkataan	Ayat
1		
2		
3		

Cerita Animasi 7: Bangau dengan Ketam

Penilaian Kendiri/ Rakan Sebaya (Murid) Membaca/ Bercerita

Nama murid: _____ ()

Kelas: _____ Tarikh: _____

Tandakan [✓]

1. Saya membaca/bercerita dengan lancar.	Baik	[]
	Sederhana	[]
	Lemah	[]
2. Saya menggunakan sebutan baku.	Baik	[]
	Sederhana	[]
	Lemah	[]
3. Penyampaian saya	Baik	[]
	Sederhana	[]
	Lemah	[]
4. Saya memandang ke hadapan.	Baik	[]
	Sederhana	[]
	Lemah	[]

Pandangan saya tentang bacaan atau penceritaan rakan saya / saya.

Cerita Animasi 7: Bangau dengan Ketam

Penilaian Membaca/Bercerita (Guru)

Nama murid: _____ ()

Kelas: _____ Tarikh: _____

Tandakan [✓]

1. Murid membaca/bercerita dengan lancar.	Baik	[]
	Sederhana	[]
	Lemah	[]
2. Murid menggunakan sebutan baku.	Baik	[]
	Sederhana	[]
	Lemah	[]
3. Penyampaian murid	Baik	[]
	Sederhana	[]
	Lemah	[]
4. Murid memandang ke hadapan.	Baik	[]
	Sederhana	[]
	Lemah	[]

Maklum balas guru:

Cerita Animasi 7: Bangau dengan Ketam

Rubrik bagi Kemahiran Membaca/ Bercerita

Item	Baik	Sederhana	Lemah
Bercerita atau membaca dengan lancar	<ul style="list-style-type: none">• Sangat lancar	<ul style="list-style-type: none">• Agak lancar, kadang-kala terhenti-henti	<ul style="list-style-type: none">• Tidak lancar
Penggunaan sebutan baku	<ul style="list-style-type: none">• Sebutan baku tepat	<ul style="list-style-type: none">• Terdapat beberapa kesilapan sebutan	<ul style="list-style-type: none">• Tidak menggunakan sebutan baku
Penyampaian	<ul style="list-style-type: none">• Menarik• Intonasi sesuai	<ul style="list-style-type: none">• Kurang menarik• Intonasi kurang sesuai	<ul style="list-style-type: none">• Tidak menarik• Intonasi tidak sesuai
Memandang rakan semasa bercerita	<ul style="list-style-type: none">• Sentiasa	<ul style="list-style-type: none">• Kadang-kadang	<ul style="list-style-type: none">• Tidak pernah

Cerita Animasi 7: Bangau dengan Ketam

Senarai Semak: Penilaian Guru

Nama murid: Kelas:

Tarikh :.....

Senarai Semak Interaksi Lisan - Perbincangan (Individu)

Tandakan (✓) dalam kurungan.

Semasa berbincang, murid boleh:

- | | |
|---------------------------------------------------|----------|
| 1. menyampaikan pendapat. | () |
| 2. menggunakan kosa kata yang sesuai. | () |
| 3. memandang rakan semasa perbincangan. | () |
| 4. menyatakan sebab-sebab mereka tidak bersetuju. | () |
| 5. menggunakan sebutan baku. | () |

Secara keseluruhan (maklum balas guru):

.....
.....

Nota:

Penilaian secara individu tidak perlu dijalankan bagi setiap murid. Guru boleh mengenal pasti kumpulan murid yang akan dinilai bagi pelajaran-pelajaran tertentu

Cerita Animasi 7: Bangau dengan Ketam

Senarai Semak: Penilaian Kendiri (Murid)

Nama murid: _____

Kelas: _____ Tarikh: _____

Tandakan (✓) dalam ruang yang sesuai.

Semasa berbincang, saya boleh...		Ya 	Tidak 
1	menyatakan pendapat.		
2	menggunakan kosa kata yang sesuai.		
3	menyokong atau tidak menyokong pendapat rakan.		
4	menyatakan tidak setuju dengan sopan.		
5	bercakap mengikut giliran.		

CERITA ANIMASI 7: BANGAU DENGAN KETAM

Tajuk	Bangau dengan Ketam
Peringkat	P3A
Sinopsis	Kisah burung bangau yang telah menipu ikan-ikan kerana lapar. Burung bangau berjanji ingin memindahkan ikan ke sungai lain tetapi dimakan. Ketam mendapat tahu helah bangau lalu menyepit leher bangau sehingga mati. Ketam terselamat.
Watak	Bangau, Ketam dan Pencerita
Nilai	Sikap menghargai, kesetiaan kepada negara, keberanian, kegigihan

No	Watak	Dialog
1	Pencerita	Dalam sebuah kolam yang besar tinggal sekawan ikan, katak dan ketam. Di tepi kolam itu pula, ada seekor bangau yang sudah tua. Bangau mahu memakan ikan dan ketam yang ada di kolam itu. Bangau cuba menipu penghuni kolam.
2	Bangau	Wahai penghuni kolam! Satu kemarau besar akan melanda dan air kolam akan kering.
3	Pencerita	Semua penghuni kolam berasa takut mendengar cerita Bangau.
4	Katak	Betul kata engkau bangau?
5	Ikan	Matilah kita jika air kolam kering.
6	Pencerita	Bangau berasa gembira kerana penghuni kolam percaya akan ceritanya.
7	Bangau	Aku boleh menolong kamu semua. Aku akan menerbangkan kamu semua ke sebuah kolam yang lebih besar.
8	Pencerita	Satu demi satu penghuni kolam dibawa terbang ke sebuah kolam yang lain. Satu demi satu Ikan dan Katak dimakan Bangau.
9	Ketam	Bila pula giliran aku Bangau? Tidak sabar aku ingin melihat kolam yang baharu.
10	Bangau	Aku pun tidak sabar hendak membawa engkau ke tempat baharu. Esok giliran engkau Ketam.

No	Watak	Dialog
11	Pencerita	Keesokan harinya, Bangau dengan pantas menerbangkan Ketam ke sebuah kolam yang baharu.
12	Bangau	Ketam sahabatku, itulah kolam kita yang baharu.
13	Pencerita	Ketam melihat sekeliling. Kawan-kawannya tidak kelihatan. Dia mula berasa curiga.
14	Ketam	Mana kawan-kawan kita yang lain? Di mana ikan? Di mana katak?
15	Pencerita	Bangau tidak berkata apa-apa. Ketam terpandang tulang-tulang ikan dan katak berselerakan di tepi kolam yang baharu.
16	Ketam	Oh, rupa-rupanya kamu telah makan Ikan dan Katak! Kamu menipu kami semua!
17	Bangau	Hari ini, engkau akan menjadi makanan aku Ketam.
18	Pencerita	Sebaik-baik sahaja Bangau mahu mematuk Ketam, Ketam terlebih dahulu menyepit leher Bangau yang panjang itu.
19	Bangau	Aduh! Sakitnya leher aku! Tolong! Tolong! Tolong lepaskan aku!
20	Pencerita	Akhirnya Bangau yang jahat itu pun mati. Begitulah kisah Bangau yang cuba menipu penghuni kolam. Jika kita menipu dan menyakiti orang lain, kita akan menerima balasannya.

